



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM**

**TEKS UCAPAN**

**NIK NAZMI NIK AHMAD  
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

**SEMPENA**

**MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN DAN LESTARI BUDI  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

**30 MEI 2024 (KHAMIS)**

**GRAND BALLROOM 1  
BANGI AVENUE CONVENTION CENTRE  
BANGI, SELANGOR**

Terima Kasih Saudara dan Saudari Pengacara Majlis.

*Bismillahirrahmanirrahim*

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

1. **Yang Berhormat Dato' Sri Huang Tiong Sii**  
Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam
2. **Yang Berbahagia Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim**  
Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
3. **Yang Berbahagia Datuk Nor Yahati binti Awang**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam)
4. **Yang Berusaha Puan Norsham binti Abdul Latip**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli)
5. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi dan Pegawai-Pegawai Kanan NRES
6. Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

## **PENDAHULUAN**

1. Pertamanya, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya kita dapat bersama-sama menghadiri Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Lestari Budi NRES 2024 untuk meraikan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Anugerah Setia Berkhidmat (ASB) dan Anugerah Khas Menteri (AKM) serta juga meraikan pesara warga NRES.

2. Saya dimaklumkan pada Majlis ini seramai 37 warga kerja NRES akan diberi pengiktirafan APC bagi tahun 2023, 15 penerima ASB dan seorang penerima AKM atas prestasi kerja cemerlang mereka pada tahun 2023. Dalam pada itu, kita juga akan meraikan 5 warga NRES yang telah atau bakal bersara pada tahun 2024. Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah diucapkan kepada semua penerima.
3. Harapan saya agar pengiktirafan ini menjadi pendorong dan pembakar semangat untuk semua terus berkhidmat dengan lebih cemerlang dalam menjalankan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan. Sifat inginkan kecemerlangan perlu hadir dalam diri dan jiwa setiap individu. Oleh itu, jadikanlah penganugerahan ini sebagai satu cabaran dan inspirasi semua warga kerja dalam usaha mempertingkatkan kualiti perkhidmatan.
4. Saya ingin menyeru kepada semua agar terus memberikan perkhidmatan terbaik dengan memastikan jentera Kerajaan bergerak dengan berkesan, melaksanakan dasar dan menjayakan setiap aspirasi yang disusun kerajaan.
5. Kepada warga NRES yang telah dan akan bersara, setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih saya ucapkan atas sumbangan masa, tenaga dan kesungguhan yang telah tuan puan berikan sepanjang perkhidmatan. Selamat menjalani tempoh persaraan, saya percaya tuan puan telah memberikan perkhidmatan yang terbaik.

## **KECEMERLANGAN WARGA KERJA NADI KEJAYAAN**

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. YAB Perdana Menteri dalam Majlis Sambutan Hari Pekerja 2024 pada 1 Mei 2024 telah mengumumkan bahawa penjawat awam bakal menikmati kenaikan gaji sekurang-kurangnya 15 peratus mulai 1 Disember 2024. Perincian mengenai kenaikan gaji berkenaan sedang diperhalusi dan diperincikan dalam Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA). Kajian SSPA akan dibentangkan sepenuhnya dalam Belanjawan 2025 pada Oktober 2024 dan pelaksanaannya dijangka mulai Tahun 2025. Antara lain intipati SSPA adalah memastikan gaji minimum penjawat awam melebihi RM2,000 sebulan.
7. YAB Perdana Menteri juga telah mengumumkan Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Tahun 2024 sebanyak RM2,000 pada Februari lalu kepada penjawat awam sementara menunggu Kajian SSPA yang dijangka dimuktamadkan pada penghujung tahun 2024. Selain itu, Kerajaan juga telah meluluskan Bantuan Khas Kewangan (BKK) Aidilfitri sebanyak RM500 kepada penjawat awam Gred 56 ke bawah dan RM250 kepada pesara Kerajaan pada 5 April 2024 yang lalu.
8. Dalam keadaan kemampuan kewangan negara yang terhad, YAB Perdana Menteri masih mementingkan keluh kesah penjawat awam dan menitik beratkan kebajikan penjawat awam. Justeru itu, saya menyeru supaya kita semua dapat meningkatkan usaha dan komitmen tanpa berbelah bagi.

9. Memetik kata-kata YAB Perdana Menteri, “Perkhidmatan awam adalah tonggak kepada negara dan tidak akan berubah meskipun kerajaan atau Perdana Menteri bertukar ganti’. Mesej ini jelas memperlihatkan bahawa Perdana Menteri menaruh harapan tinggi kepada penjawat awam sebagai tonggak utama atau nadi kepada sesebuah organisasi, meski pemimpin datang dan pergi.
10. Selain itu, besar harapan saya agar seluruh warga kerja NRES dapat meneruskan kerjasama yang baik dan sentiasa menyokong di antara satu sama lain. Kebersamaan dan permuafakatan dalam melaksanakan tanggungjawab yang digalas pasti akan membuahkan hasil yang cemerlang. Pada masa yang sama, kita perlu mentransformasikan cara kerja mengikut peredaran zaman.
11. Sebagai penjawat awam, cabaran yang kita hadapi di era ini bukanlah mudah. Dengan kepesatan perkembangan dalam dunia teknologi di mana maklumat boleh diperolehi di hujung jari, masyarakat sentiasa menantikan usaha, bantuan dan inisiatif yang boleh ditawarkan kepada rakyat. Justeru itu, tidak hairanlah pelbagai usaha untuk melonjakkan maruah dan kewibawaan Perkhidmatan Awam telah diperkenalkan dalam usaha memenangi persepsi rakyat. Saya pasti tuan puan telah memahami secara mendalam konsep Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh Kerajaan.
12. Bagi menjadikan Perkhidmatan Awam satu organisasi yang dihormati, Penjawat Awam perlu bersikap proaktif dan mengamalkan sikap mendahulukan kesegeraan (*sense of urgency*) dalam setiap tindakan dan keputusan.

13. Kegagalan dalam menyegerakan tindakan dan keputusan terutamanya yang melibatkan dasar dan perkhidmatan kepada rakyat akan mengakibatkan persepsi negatif rakyat terhadap Perkhidmatan Awam semakin meningkat.
14. Penerapan nilai empati, akauntabiliti kecekapan dalam menjalankan tugas dengan cepat dan tepat serta bertindak mengikut fokus kepada matlamat dalam diri setiap Penjawat Awam amat penting dalam usaha mewujudkan Perkhidmatan Awam yang cekap dan bersaya saing. Saya menyeru agar tuan puan dapat meningkatkan usaha dan kecekapan diri masing-masing dengan berpandukan kepada aspirasi ini dan mendokong hasrat dan usaha Kerajaan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.
15. Penjawat Awam perlu sentiasa bersedia dan peka serta berani menghadapi perubahan dan bertindak sewajarnya mengikut arus perubahan semasa. Tuan puan juga diseru agar sentiasa cekap dan cepat dalam membuat keputusan dan tindakan. Jika iltizam untuk sentiasa mendahulukan kepentingan rakyat diterapkan dalam jiwa penjawat awam, saya percaya secara tidak langsung ianya akan mempengaruhi cara kita berfikir dan bekerja.
16. Suka juga saya mengingatkan tuan puan agar menumpukan usaha kepada pelaksanaan program dan inisiatif yang membawa manfaat dan kesejahteraan kepada rakyat di samping bertanggungjawab untuk memastikan perbelanjaan dana awam dibelanjakan secara telus dan berhemah.

## PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

17. Menjadi hasrat dan harapan saya agar seluruh warga NRES mengadaptasi *current changes* ini dalam melunaskan tanggungjawab sebagai penjawat awam yang berwibawa dan berintegriti, agar kementerian dan jabatan sentiasa kompetitif dalam penyampaian perkhidmatan kepada pemegang taruh.
18. Selaku kementerian dan agensi teknikal negara, warga kerja NRES merupakan aset penting dalam penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat. Segala gerak kerja dan penyampaian perkhidmatan kementerian dan jabatan sentiasa diperhatikan dan dinilai oleh rakyat.
19. Justeru, menjadi kewajipan kepada kita semua untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan memperkasakan. Pada masa yang sama kita terapkan nilai positif di mana jua kita berkhidmat, di samping mempunyai keseimbangan dari segi intelektual, emosi, rohani dan fizikal. Faktor-faktor tersebut menyumbang kepada kejayaan seseorang individu dan juga organisasi.
20. Jika mengimpikan kejayaan, ia wajar bermula dengan “perancangan awal”, dimulai dengan diri kita sendiri untuk membudayakan nilai kecemerlangan, meneroka ilmu pengetahuan dan membina potensi diri yang luar biasa.

21. Oleh itu, saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan terus berusaha gigih untuk menyampaikan perkhidmatan jabatan terbaik melalui amalan budaya yang cemerlang, amanah dan berintegriti. Reputasi perkhidmatan terletak kepada setiap warga kerjanya manakala kecemerlangan sesebuah jabatan akan menjadi pemangkin kejayaan dalam merealisasikan pembangunan negara MADANI.

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.